

16 JAN 2004

MARINA MAHATHIR ANTARA YANG AKAN BERUCAP DI PERSIDANGAN AIDS DI
MELBOURNE

MELBOURNE, 16 Jan (Bernama) - Yang Dipertua Yayasan AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Tun Dr Mahathir merupakan antara tokoh yang akan memberikan ucap tama pada Persidangan Penggalakan dan Pendidikan Kesihatan Sedunia ke-18 di sini dari 26 hingga 30 April ini.

Yang lain termasuk wakil Bangsa-bangsa Bersatu mengenai AIDS di Asia, Dr Nafis Sadik dan Pengarah Pusat Penyelidikan Sosial mengenai Alkohol dan Dadah, Universiti Stockhom di Sweden, Prof Robin Room.

Menurut penganjur, antara perkara yang akan dibincangkan ialah rawatan dan pencegahan penyakit itu.

-- BERNAMA

NDC HS MAI